

Alam Anugerah Terindah

Mendengar dan Bertutur

Berdasarkan grafik, lengkapkan dan lakonkan perbualan tersebut. SP 1.5.1



dijadikan destinasi
percutian

kepentingan menjaga
alam sekitar

semakin menarik
untuk dikunjungi

menambah jumlah
pengawal

perkara yang tidak
diingini

Azlina: Pemandangan di pantai ini tetap cantik seperti dahulu. Sangat indah dan menenangkan. Bilakah kali terakhir kamu ke sini?

Erma: Kali terakhir saya ke sini ialah dua tahun yang lalu. Pemandangan dan persekitarannya makin menarik juga. Pada pendapat kamu, mengapakah orang ramai menjaga pantai ini?

Azlina: Pada pendapat saya, orang ramai semakin sedar akan (1) _____

Erma: Saya setuju dengan kamu. Jika alam sekitar tidak dipedulikan, tentunya pantai ini tidak seindah seperti yang kita lihat sekarang.

Azlina: Menurut kamu, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menambah baik kawasan ini?

Erma: Pada pendapat saya, pihak pengurusan di kawasan pantai ini mestilah

(2) _____ di pantai ini. Hal ini dikatakan demikian kerana bilangan pengawal yang menjaga kawasan ini belum mencukupi. Oleh itu, jika terjadi (3) _____, tentu hal tersebut boleh menjejaskan tempat pelancongan ini.

Azlina: Benar, Erma. Pelbagai kemudahan turut disediakan di sini. Bagi saya, inilah yang menjadikan kawasan ini (4) _____

Erma: Ya, Azlina. Kawasan ini sememangnya cantik dan sesuai untuk (5) _____ buat seisi keluarga.

Kamus Mini

1. pantai – tebing atau tepi laut (tasik dan sebagainya) yang diliputi pasir (batu-batu kecil atau besar)
2. indah – cantik, bagus benar, elok, molek
3. pengawal – orang yang mengawal, penjaga, pengawas
4. destinasi – tempat yang dituju dalam perjalanan atau tempat penerimaan sesuatu